



## **KEMENTERIAN KEWANGAN**

### **SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 9 TAHUN 2005**

Semua Pegawai Pengawal  
Semua Pengarah Pembangunan Persekutuan  
Semua Pengarah Pembangunan Negeri

### **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR AWAM TAHUN 2006**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan memaklumkan garis panduan berkaitan kaedah pelaksanaan dan tatacara perolehan bagi Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam yang dibiayai daripada Peruntukan Khas Kementerian Kewangan bagi tahun 2006 berjumlah RM1 bilion ringgit.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Usaha Kerajaan dalam memberi penekanan kepada budaya penyelenggaraan akan diteruskan untuk memupuk kesedaran masyarakat terhadap pentingnya kemudahan awam diselenggara dengan baik. Ianya bagi membolehkan masyarakat mengoptimumkan penggunaan kemudahan awam yang telah disediakan oleh Kerajaan.

#### **SKOP PROJEK**

3. Peruntukan khas ini boleh digunakan untuk penyelenggaraan dan naik taraf bagi kerja-kerja berikut:

- (i) Kerja-kerja mengecat bangunan, peralatan dan lain-lain kemudahan;

- (ii) Penyelenggaraan pagar, pondok kawalan dan pintu keluar masuk kawasan;
- (iii) Penyelenggaraan lantai, dinding dalam dan luar bangunan;
- (iv) Penyelenggaraan bumbung, atap, saluran air hujan dan sistem kalis air;
- (v) Menyelenggara dan membaiki tandas, sistem paip air, sistem kumbahan dan pembentungan;
- (vi) Membaiki/pendawaian semula elektrik tidak termasuk kerja-kerja penyaman udara;
- (vii) Penyelenggaraan longkang dan sistem perparitan;
- (viii) Penyelenggaraan jalan dan tebing dalam kawasan; dan
- (ix) Penyelenggaraan landskap yang sedia ada yang bersesuaian.

#### **KELAYAKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN KHAS**

4. Kelayakan menggunakan peruntukan khas ini adalah seperti berikut:
  - (i) Penyelenggaraan dan naik taraf ini terhad kepada infrastruktur dan kemudahan awam Kerajaan termasuk yang tidak mempunyai peruntukan penyelenggaraan tahunan;
  - (ii) Pengagihan peruntukan adalah berasaskan 60% untuk infrastruktur dan kemudahan awam Kerajaan Persekutuan, 20% Kerajaan Negeri dan 20% Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
  - (iii) Penyelenggaraan dan naik taraf ini tidak dibenarkan ke atas projek-projek yang masih di dalam tempoh tanggungan kecacatan (*defect liability period*); dan
  - (iv) Lain-lain skop kerja penyelenggaraan yang mendapat kelulusan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM.

## **KRITERIA PEMILIHAN PROJEK**

5. Projek yang boleh dibiayai di bawah program ini hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:

- (i) Kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf dengan skop kerja seperti di para 3;
- (ii) Had nilai projek yang ditawarkan hendaklah tidak melebihi RM200,000. Keutamaan hendaklah bagi projek bernilai di antara RM50,000 hingga RM100,000; dan
- (iii) Dapat disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi 3 bulan.

## **JAWATANKUASA PELAKSANAAN PROJEK PENYELENGGARAAN**

6. Bagi melaksanakan projek penyelenggaraan ini, Jawatankuasa berikut hendaklah ditubuhkan:

### **a. Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor**

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menentukan senarai projek yang akan dilaksanakan berasaskan kriteria di para 4 dan 5 serta menentukan senarai kontraktor yang layak dipilih melaksanakan projek tersebut.

Jawatankuasa ini hendaklah membuat penilaian dan tapisan terperinci ke atas setiap kontraktor bagi memastikan hanya kontraktor yang benar-benar layak sahaja disenaraikan dan dipilih secara undian dan sebut harga (bagi projek yang tidak tersenarai di dalam Jadual Kadar Harga JKR) dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Keahliannya adalah seperti yang berikut:

Pengerusi : Pengarah Pembangunan Persekutuan/  
Pengarah Pembangunan Negeri mengikut mana  
yang berkenaan

Ahli-ahli : (i) Pegawai Daerah/Residen mengikut mana yang  
berkenaan atau wakil

: (ii) Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri  
atau wakil

## **b. Jawatankuasa Perolehan Projek**

Jawatankuasa ini bertanggungjawab meluluskan pelantikan kontraktor secara undian dan sebut harga (bagi projek yang tidak tersenarai di dalam Jadual Kadar Harga JKR) bagi projek yang akan dilaksanakan. Keahliannya adalah seperti yang berikut:

- Pengerusi : Pengarah Pembangunan Persekutuan/  
Pengarah Pembangunan Negeri mengikut mana yang berkenaan
- Ahli-ahli : (i) Pegawai Daerah/Residen mengikut mana yang berkenaan atau wakil
- (ii) Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah berkenaan atau wakil
- (iii) Seorang pegawai awam (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Jawatankuasa membuat keputusan dengan lebih berkesan.

7. Kuorum bagi Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor dan Jawatankuasa Perolehan Projek hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk Pengerusi. Keputusan hendaklah secara majoriti. Kehadiran wakil JKR adalah diwajibkan bagi Jawatankuasa Perolehan Projek.

8. Ahli-ahli Jawatankuasa di atas yang mempunyai apa-apa kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak mengenai sesuatu perolehan di atas hendaklah mengisytiharkan kepentingannya dan menarik diri daripada mesyuarat tersebut dan perkara ini hendaklah dimitikan.

9. Pemilihan projek dan kontraktor hanya boleh dibuat oleh kedua-dua Jawatankuasa tersebut di atas sahaja.

## **KRITERIA PEMILIHAN KONTRAKTOR**

10. Dalam meluluskan pelantikan kontraktor, Jawatankuasa Perolehan Projek hendaklah memastikan kriteria-kriteria berikut dipatuhi:

- (i) Kontraktor merupakan syarikat yang telah berdaftar sebagai kontraktor Kelas F tempatan dengan PKK/PUKONSA/UPK dan pendaftaran masih berkuat kuasa;

- (ii) Kontraktor hendaklah mempunyai keupayaan untuk melaksanakan projek dari segi pekerja, kemahiran teknikal dan kemudahan peralatan kerja;
- (iii) Kontraktor yang tidak mempunyai sebarang kerja dalam tangan dengan agensi kerajaan semasa pemilihan dibuat; dan
- (iv) Pemilik lesen pendaftaran adalah bergiat sepenuh masa sebagai kontraktor.

## **SYARAT-SYARAT PEROLEHAN**

11. Dalam membuat keputusan, Jawatankuasa Perolehan Projek hendaklah memastikan semua peraturan kewangan yang berkuat kuasa dan syarat-syarat berikut dipatuhi:

- (i) Projek-projek hendaklah diagihkan sama rata di kalangan kontraktor-kontraktor dalam kawasan dan daerah yang sama;
- (ii) Bagi projek di mana kontraktor Kelas F tempatan kurang atau tiada, kontraktor Kelas F di daerah berhampiran boleh ditawarkan;
- (iii) Projek tidak boleh ditawarkan kepada kontraktor yang terdiri daripada ahli keluarga yang sama yang telah mendapat projek;
- (iv) Bagi kerja-kerja penyelenggaraan yang mempunyai Jadual Kadar Harga (JKH) Kejuruteraan Awam dan Bangunan JKR serta JKH Kerja Elektrikal yang berkuat kuasa, pemilihan kontraktor hendaklah dibuat secara undian sahaja. Bagi kerja-kerja yang tidak mempunyai Jadual Kadar Harga JKR semasa, pemilihan kontraktor hendaklah dibuat secara sebut harga;
- (v) Penentuan harga tawaran projek hendaklah berpandukan Jadual Kadar Harga Kejuruteraan Awam dan Bangunan JKR yang berkuat kuasa;
- (vi) Bagi kerja-kerja yang tidak tersenarai dalam Jadual Kadar Harga dan projek yang bernilai tidak melebihi RM200,000, pemilihan hendaklah dibuat secara sebut harga di kalangan kontraktor kelas F tempatan;
- (vii) JKH Kejuruteraan Awam dan Bangunan JKR Semenanjung Zon Tengah (meliputi Kuala Lumpur & Selangor) dibenar untuk diguna pakai untuk projek-projek penyelenggaraan infrastruktur awam di

Sabah dan Sarawak dengan tambahan peratusan sebanyak 10% sahaja;

- (viii) Penyelenggaraan dan naik taraf bagi kerja-kerja pakar, contohnya kerja-kerja elektrik, '*water proofing*', '*premix*' dan sistem kumbahan hendaklah dipilih di kalangan kontraktor yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan;
- (ix) Kontraktor bagi kerja penyelenggaraan (kejuruteraan awam dan bangunan) hanya boleh mendapat satu projek sahaja secara undian dan tidak dibenarkan mendapat kontrak lain dalam program ini kecuali melalui proses sebut harga yang terhad kepada hanya untuk satu projek sahaja;
- (x) Bagi projek infrastruktur awam di Sabah dan Sarawak, kontraktor Bumiputera Kelas E boleh dilantik secara undian bagi kerja penyelenggaraan yang mempunyai Jadual Kadar Harga JKR semasa dan secara sebut harga bagi kerja-kerja yang tidak mempunyai Jadual Kadar Harga JKR semasa sekiranya terdapat kekurangan kontraktor Kelas F tempatan;
- (xi) Bagi kerja-kerja elektrik bernilai RM50,000 ke bawah, keutamaan undian hendaklah dimulakan di kalangan kontraktor Bumiputera Tempatan Kelas VI dan V terlebih dahulu. Kontraktor Bumiputera Tempatan Kelas III dan IV hanya dibenarkan sekiranya semua kontraktor Kelas VI dan V di daerah berkenaan telah pun memperolehi kerja-kerja elektrik. Kontraktor Bumiputera Tempatan Kelas III dan IV yang telah memperolehi kerja-kerja elektrik di dalam projek ini tidak dibenarkan melaksanakan kerja-kerja elektrik bernilai RM50,000 ke bawah melainkan undian bagi pusingan kedua untuk kerja-kerja elektrik telah pun diperolehi oleh kontraktor Bumiputera Tempatan Kelas VI dan V;
- (xii) Keputusan kontraktor yang berjaya hendaklah dipamerkan. Ini termasuk nama kontraktor, nama projek, kos projek dan maklumat projek dan tempoh pelaksanaan; dan
- (xiii) Pengarah Pembangunan Persekutuan/Pengarah Pembangunan Negeri hendaklah bertanggungjawab memastikan bahawa kontraktor dipilih mengikut syarat-syarat perolehan yang ditetapkan.

## **KAEDAH BAYARAN**

12. Kontraktor akan dibayar dalam tempoh 14 hari setelah projek disahkan siap oleh pihak pengguna yang berkenaan tertakluk kepada kontraktor mengemukakan dokumen tuntutan bayaran yang lengkap.

13. Tuntutan bayaran di atas mestilah dibuat pembayaran sebanyak 70% dalam masa 14 hari sekiranya ia tidak dapat dibayar keseluruhannya kerana dokumen tidak lengkap atau atas sebab-sebab tertentu.

14. Pengarah Pembangunan Persekutuan/Pengarah Pembangunan Negeri hendaklah memastikan bahawa semua bayaran hendaklah diselesaikan dalam tahun kewangan semasa.

## **TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR**

15. Kontraktor yang telah memperolehi projek adalah dikehendaki untuk membuat akuan rasmi bahawa pihaknya tidak akan 'menjual' kontrak atau mensubkontrakkan projek kepada pihak lain. Tindakan penamatan kontrak dan pembatalan pendaftaran akan diambil ke atas kontraktor yang melanggar peraturan ini. Syarat ini hendaklah dinyatakan dalam surat tawaran.

16. Kontraktor yang melaksanakan projek hendaklah menyediakan papan tanda di tapak projek yang mengandungi maklumat seperti berikut:

- (i) Tajuk : Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam
- (ii) Nama Kontraktor:
- (iii) Lesen Pendaftaran:
- (iv) Nama Projek:
- (v) Tarikh Mula Projek:
- (vi) Tarikh Siap Projek:

17. Kontraktor adalah dikecualikan daripada mengemukakan Bon Pelaksanaan. Walau bagaimanapun, tempoh tanggungan kecacatan seperti di bawah juga dikenakan kepada kontraktor dan syarat ini hendaklah dinyatakan dalam surat tawaran:

<b>Nilai Projek</b>	<b>Tempoh Tanggungan Kecacatan</b>
RM10,000 – RM100,000	6 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap
Melebihi RM100,000	12 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap

Kontraktor dikehendaki menyiapkan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kegagalan menyiapkan projek dalam masa ditetapkan dan kegagalan memenuhi tanggungan kecacatan di atas akan menjejaskan peluang kontraktor untuk mendapat projek Kerajaan di masa hadapan.

## **PEMANTAUAN DAN PELAPORAN**

18. ICU, JPM akan memantau keseluruhan pelaksanaan projek penyelenggaraan ini. Pengarah Pembangunan Persekutuan/Pengarah Pembangunan Negeri dan Pegawai Daerah/Residen mengikut mana yang berkenaan bertanggungjawab memantau projek-projek penyelenggaraan yang dilaksanakan di peringkat negeri/daerah masing-masing.

19. Fail khusus yang mengandungi dokumentasi mengenai pelaksanaan projek hendaklah diwujudkan di peringkat negeri dan daerah bagi urusan pemeriksaan oleh agensi pusat. Gambar hendaklah diambil sebelum projek dimulakan dan selepas projek disiapkan.

20. Pengarah Pembangunan Persekutuan/Pengarah Pembangunan Negeri dan Pegawai Daerah/Residen mengikut mana yang berkenaan, adalah bertanggungjawab membuat pengawasan ke atas pelaksanaan projek. Sekiranya Pejabat Daerah tidak berkeupayaan membuat pengawasan, bantuan bolehlah diperolehi daripada Jabatan Teknik sama ada JKR atau JPS.

21. Laporan bulanan kemajuan pelaksanaan projek di peringkat daerah hendaklah disediakan oleh Pegawai Daerah/Residen dan dikemukakan kepada Pengarah Pembangunan Persekutuan/Pengarah Pembangunan Negeri untuk penyelarasan. Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kepada ICU, JPM. Laporan yang telah diselaraskan oleh ICU, JPM hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kawalan dan Pemantauan, Kementerian Kewangan selewat-lewatnya pada 15 hari bulan bulan berikutnya.

22. Semua agensi yang terlibat hendaklah membuat perancangan awal mulai sekarang bagi membolehkan pengagihan peruntukan diuruskan pada awal tahun 2006 dan seterusnya bayaran dapat diselesaikan dalam tahun kewangan semasa.

23. Carta aliran Projek Penyelenggaraan adalah seperti di **Kembaran I**.

24. Tindakan surcaj boleh dikenakan ke atas mana-mana pegawai yang tidak mematuhi garis panduan ini atau melanggar mana-mana peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.



## **ADUAN**

25. Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan pengurusan perolehan ini boleh mengemukakan aduan terus kepada:

Ketua Pengarah,  
Unit Penyelaras Pelaksanaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 3 Timur, Bangunan Perdana Putra,  
62502 PUTRAJAYA.

## **KUAT KUASA**

26. SPP ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006 dan terpakai sehingga 31 Disember 2006.

Sekian, terima kasih.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(Dato' Sri Izzuddin bin Dali)  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

16 Disember 2005

s.k.

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara  
Akauntan Negara  
Ketua Pengarah UPP  
Ketua Pengarah UPE  
Ketua Pengarah JKR  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

**CARTA ALIRAN BAGI PROJEK  
PENYELENGGARAAN**

